

BAB 3


KAEDAH KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji maksud dan keberkesanannya dalam tulisan bunyi kompleks berdasarkan 3000 patah perkataan tulisan Cina yang paling kerap digunakan. Oleh yang demikian, bab ini akan membincangkan aspek-aspek berkaitan dengan kaedah yang akan dijalankan dalam kajian ini iaitu kerangka konsep kajian, kerangka teoretis dan metodologi.

3.2 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 3.1 : Kerangka Konsep Kajian



Merujuk kepada rajah 3.1 di atas, kerangka konsep kajian menunjukkan setiap patah perkataan tulisan Cina terdiri daripada tiga komponen yang utama. Pertama, bentuk yang bermaksud tulisan Cina dilihat dari luar mempunyai bentuk atau “rangka” nya yang mirip kepada segi empat sama (*fangkuaizi*). Kedua, setiap tulisan Cina itu juga mempunyai bacaannya yang tersendiri. Dan ke tiga, setiap tulisan Cina mempunyai maksudnya sendiri. Kajian yang akan dijalankan berpusatkan kepada maksud yang terdapat pada tulisan bunyi kompleks. Tulisan Cina akan dipilih dan ditapis mengikut konsep *Liushu*. Penganlisisan maksud akan mengikut urutan bunyi secara bersistem.

Berdasarkan kepada rajah 3.1 terdapat dua dapatan penting iaitu klasifikasi maksud komponen bunyi dan kadar keberkesanan komponen bunyi menyampaikan maksud. Pengertian berkaitan dengan maksud telah dihuraikan dalam bab 1 (sila rujuk muka surat 14). Bagi mendapatkan dapatan kajian penyelidikan ini, data-data harus dikaji berdasarkan konsep *Liushu* kerana konsep *Liushu* merupakan konsep tulisan Cina dicipta (sila rujuk Bab 2, muka surat 20).

Kajian terhadap *maksud* akan dijalankan secara berkumpulan dan bersistematik. Tulisan bunyi kompleks yang terpilih akan dikaji berdasarkan kumpulan dan siri bunyi. Dengan cara sedemikian, hasil kajian tersebut dapat memberi gambaran yang jelas sama ada komponen bunyi dalam tulisan bunyi kompleks membawa “*maksud*” atau sebaliknya.

3.3 Kerangka Teoretis Kajian

Pada abad ke-19, penyelidikan perbandingan (*comparative studies*) telah banyak dijalankan oleh orang Eropah, terutama beberapa seperti pakar linguistik German seperti, *W. Von Humboldt (1767-1835)* dengan karyanya "*Origin of grammatical forms and their influence on the development of thought*", *Franz Bopp (1791-1867)* dengan karyanya "*Conjugation System*" dan "*Comparative Grammar*", *August Schleicher (1821-1868)* dengan karyanya "*Compendium of the comparative grammar of the indogermanic languages*" (*Noor Ein Mohd. Noor, 1993: 212-220*). Selain daripada itu, pakar-pakar linguistik daripada aliran Praha (*Prague School*) berpendapat bahawa penyelidikan perbandingan ini tidak harus dihadkan kepada bahasa genealogikal sahaja tetapi juga patut digunakan ke atas pelbagai kajian sistem linguistik yang tidak berkaitan dari segi genealogikal (contohnya seperti bahasa Inggeis, bahasa Cina, bahasa Melayu) (*Ensaiklopedia Bahasa dan Tulisan 1988: 26-27*).

Seorang pakar linguistik dari aliran Praha iaitu *Nikolaj Sergejevic Trubetzkoy (1890-1938)* telah menggunakan "konsep ciri distingtif" di dalam konsep penyelidikan perbandingan (*Noor Ein Mohd. Noor 1993 : 251*). Konsep tersebut telah menjadi satu unsur dalam teori linguistik dan juga sebagai konsep analisis yang bermakna dan tahan lama dalam linguistik.

Analisis komponen makna sesuai digunakan dalam menganalisis kata dan makna dapat dilihat dengan lebih jelas. Seorang ahli bahasa bernama *Lehrer* berpendapat :

“ Componential analysis is especially suitable where no unique taxonomies can be constructed because cross-classification prevents their formation.” (Lehrer, 1974: 46)

Mengikut *Ensaiklopedia Bahasa dan Tulisan Cina* (1988: 40), di bahagian penerangan makna leksikologi telah menyentuh analisis komponen. Penerangan maksud sesuatu frasa, perkataan boleh menggunakan konsep analisis komponen. Ia merupakan satu cara menyampaikan konsep, maksud frasa dan perkataan dengan lebih jelas. Selain daripada itu, ia juga menggunakan tanda (+) dan (-) sebagai simbol untuk menandakan persamaan dan perbezaan makna sesuatu lexis. Simbol (+) digunakan sebagai tanda persamaan maksud dan simbol (-) digunakan untuk perbezaan atau berlawanan makna. Rajah analisis komponen makna perkataan “wanita” dan “budak lelaki” di bawah telah diberi sebagai contoh :

Jadual 3.1 : Jadual Analisis Komponen Makna “Wanita”

Wanita ---- manusia (+)
---- orang dewasa (+)
---- lelaki (-)

Berdasarkan analisis komponen makna tersebut “wanita” bermaksud “manusia, orang dewasa dan bukan orang lelaki” .

Jadual 3.2 : Jadual Analisis Komponen Makna “Budak Lelaki”

Budak lelaki ---- manusia (+)
---- dewasa (-)
---- bersifat lelaki (+)

Berdasarkan Rajah analisis komponen makna di atas “Budak lelaki” bermaksud “manusia yang bersifat lelaki dan tidak dewasa” .

Ramai penyelidik bahasa telah menggunakan metodologi analisis komponen makna dalam menjalankan penyelidikan mereka. Seorang pengkaji bahasa *J.R.Ayto* telah menggunakan cara analisis komponen dalam menganalisis makna “*Seat*” (*Zainab Ahmad*1993:96). *Ayto* telah menggunakan perkataan-perkataan “*seat, chair, bench, form, stool, sofa, settee, couch*” dan “*settle*” untuk membuat analisisnya seperti rajah berikut :

Jadual 3.3: Analisis Komponen Makna “Seat”

	1	2		3		4			5		6			7	8		
	Tempat untuk duduk	Untuk beberapa orang	Untuk seorang	Boleh alih atau terpasang	Boleh alih	Berupholsteri	Tanpa upholsteri	Sama ada	Tanpa belakang	Berbelakang	Di dalam	Di luar	Sama ada	Baring atau duduk	Berfungsi	Untuk keselesaan	Sama ada
Seat	x																
Chair	x		x		x			x		x			x				x
Bench	x	x		x			x			x		x			x		
Form	x	x			x		x		x		x				x		
Stool	x		x		x			x	x				x		x		
Sofa	x	x			x	x				x	x					x	
Settee	x	x			x	x				x	x					x	
Couch	x	x			x	x				x	x			x		x	
Settle	x	x		x			x			x	x					x	

Merujuk rajah analisis komponen makna “seat” , makna “seat” dapat dilihat dengan lebih jelas, perkataan-perkataan “chair” , “bench” , “form” , “stool” , “sofa” , “settee” , “couch” , “settle” , ciri yang sama untuk semua benda ini ialah digunakan untuk duduk. Selain daripada itu, makna perkataan tersebut mempunyai ciri-ciri yang sama atau berbeza. Perkataan “seat” tidak mempunyai pembeza yang selanjutnya,

maka kita boleh menggunakannya sebagai kata genus bagi seperangkat kata yang lain. Kini kita perlu memberikan beberapa ciri yang menjadi sifat bagi beberapa jenis tempat duduk, dan merupakan atribut bagi setiap spesies “*seat*” . Rajah 3.4 menunjukkan hanya “*chair*” dan “*stool*” tempat duduk bagi satu orang sahaja; dan bahawa hanya “*sofa*” , “*settee*” dan “*couch*” dilapik; bahawa hanya “*form*” dan “*stool*” tidak mempunyai belakang dan satu-satunya tempat duduk yang tidak perlu dibezakan ialah “*sofa*” dan “*settee*” .

J.R Ayto telah menggunakan pendekatan matriks melalui analisis komponen untuk membezakan ciri semantik item leksikal yang berbeza. Dengan kata lain analisis ini merupakan satu cara yang paling berkesan untuk memberi gambaran tentang realiti dan hubungan pengertian perkataan-perkataan yang berbeza.

Asha Doshi dalam penyelidikannya yang bertajuk “*Lexical Items About Woman In The English-Malay Bilingual Dictionary*” juga mengetengahkan analisis komponen seperti:

“Componential analysis was divided by anthropologist (for example Nida :1958) to compare vocabulary from different cultures. In this approach lexemes are analysed according to various semantic, features or components,” (Asha Doshi,1997:25)

Asha Doshi telah menggunakan analisis komponen makna dalam kajiannya seperti contoh dalam jadual berikut:

Jadual 3.4 :Analisis Komponen Makna “*Woman*” dan “*Girl*”

	<u><i>Adult</i></u>	<u><i>Female</i></u>
<i>woman</i>	+	+
<i>girl</i>	-	+

Berdasarkan rajah analisis komponen 3.4 di atas kita boleh memberi takrifan bahawa “*woman*” ialah perempuan yang dewasa dan “*girl*” ialah perempuan yang belum dewasa.

Lu Shancai (陆善材)(1993:44) dalam karyanya yang berjudul “Penggunaan Semantik Bahasa Cina” (*Shiyong Hanyu Yuyixue*) juga menggunakan analisis komponen makna untuk mengesan persamaan maksud di antara frasa yang dipilih. Contoh analisis komponen makna yang dilakukan oleh *Lu Shancai* adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di berikut:

Jadual 3.5 : Analisis Komponen Makna “Viviparus”

Makna Perkataan/ frasa	Kelelakian (jantan)	dewasa	orang	Ada tangan	Dua kaki	Empat kaki	viviparus	mamalia	Ada tumit
Ayah	+	+	+	+	+	-	+	+	-
Ibu	-	+	+	+	+	-	+	+	-
Bayi lelaki	+	-	+	+	+	-	+	+	-
Bayi perempuan	-	-	+	+	+	-	+	+	-
Kambing jantan	+	+	-	-	-	+	+	+	+
Kambing betina	-	+	-	-	-	+	+	+	+

Berdasarkan analisis komponen yang digunakan oleh *Lu* , tanda “+” digunakan untuk menandakan persamaan maksud di antara frasa bahasa Cina dan tanda “-” untuk

membezakan perbezaan maksud di antara frasa. Menerusi analisis komponen makna yang dilakukan oleh *Lu*, kita dapati “viviparus” dan “mamalia” merupakan maksud persamaan di antara frasa-frasa tersebut.

Selain daripada itu, dalam karya *Huang Borong* (黄伯荣) dan *Liao Xudong* (廖序东)(1997:276) yang bertajuk Bahasa Cina Moden (*Xiandai Hanyu*) analisis komponen makna juga digunakan untuk mengesan persamaan dan perbezaan maksud di antara frasa. Contohnya seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 3.6: Analisis Komponen Makna “Perkakas untuk Duduk”

Perkataan/frasa	Persamaan Maksud	Perbezaan Maksud		
	Perkakas duduk	Boleh baling	Ada pemegang tangan	Boleh Bergerak
Kerusi	+	+	- +	-
Kerusi yang boleh bergerak	+	+	+	+
Bangku	+	-	-	-

Berdasarkan jadual analisis komponen di atas, kita boleh mendapat satu gambaran yang jelas tentang perbezaan dan persamaan maksud di antara perkataan atau frasa yang telah disenaraikan. Persamaan maksud di antara perkataan atau frasa di atas ialah perkakas duduk dan perbezaan maksud juga disenaraikan dalam jadual di atas. *Wang* dan *Liao* juga menggunakan simbol “+” dan “-” untuk mengesan persamaan dan perbezaan maksud di

antara perkataan atau frasa tersebut. Mereka juga menandakan “+” dan “-” dalam ruangan “pemegang tangan” untuk perkataan “kerusi”. Ini bermaksud terdapat kerusi yang mempunyai “pemegang tangan” dan ada kerusi yang tidak mempunyai “pemegang tangan”.

Kaedah Analisis Komponen jelas dapat menghuraikan makna perkataan dan ungkapan bahasa berasaskan kepada ciri-ciri atau komponen makna perkataan.

Dalam proses menjalankan penyelidikan kaedah, “analisis komponen makna” akan digunakan oleh pengkaji sebagai ‘*alat ukur*’ untuk mengesan “maksud” pada tulisan bunyi kompleks.

3.4 Sebab-sebab Pemilihan Analisis Komponen Makna Sebagai Alat Kajian.

Jika diteliti, kita akan mendapati bahawa analisis komponen makna yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji bahasa adalah dengan memilih perkataan-perkataan atau frasa-frasa yang mempunyai maksud yang hampir-hampir sama atau berdekatan maksudnya ataupun daripada satu “keluarga perkataan” yang sama antara satu sama lain seperti “*seat*”, “*chair*”, dan “*stool*”, “kerusi” dan “bangku”, “ayah”, “ibu”, dan “bayi”, “kambing jantan” dan “kambing betina” dan sebagainya. Selain daripada itu, kita juga mendapati bahawa ada pengkaji bahasa menggunakan analisis komponen makna untuk menganalisis makna seperti “wanita” boleh dianalisis sebagai “manusia”, “orang dewasa” dan “bukan lelaki”.

Selain daripada itu, pengkaji-pengkaji bahasa juga menggunakan tanda-tanda “+” , “-” , “✓” dan “x” untuk menandakan “persamaan” dan “perbezaan” di antara perkataan-perkataan atau frasa-frasa yang menjadi sasaran kajian. Oleh yang demikian, pengkaji akan menggunakan tanda-tanda “+” dan “-” untuk analisis komponen maksud yang akan dilakukan seterusnya.

Di samping itu, analisis komponen makna yang dijalankan oleh pengkaji mempunyai sedikit kelainan dengan contoh-contoh yang diberikan. Perkataan-perkataan yang dipilih untuk dianalisis tidak mempunyai maksud yang berdekatan atau dari satu “keluarga perkataan” yang sama. Namun cara analisis komponen makna adalah sama. Perkataan-perkataan yang dipilih adalah sangat luas iaitu 3000 patah perkataan tulisan Cina yang paling kerap digunakan. Oleh yang demikian adalah mustahil untuk mencari perkataan-perkataan yang hampir sama maksudnya. Selain daripada itu, analisis komponen makna adalah mengikut siri komponen bunyi, dengan melalui “siri bunyi” dan “komponen bunyi yang sama” untuk menjalankan penganalisan.

Jelas didapati bahawa “analisis komponen makna” dianggap paling sesuai digunakan sebagai kaedah menganalisis data kajian. Kaedah tersebut berupaya mengesan maksud kumpulan perkataan tulisan Cina yang terdiri daripada siri bunyi yang berlainan. Kaedah tersebut juga tidak mengehadkan bilangan patah perkataan tulisan Cina yang diambil sebagai sasaran analisis.

Memandangkan kajian pengkaji ialah hendak mendapatkan satu klasifikasi berkaitan dengan maksud dalam kumpulan tulisan Cina, tumpuan akan diberi kepada persamaan makna dalam setiap analisis makna yang difokuskan. Hanya dengan kaedah ini, maksud

pada kumpulan tulisan Cina bersiri bunyi boleh dikesan, dipastikan dan dianalisis secara sistematik. Pengkaji akan membincangkan lebih lanjut tentang bagaimana analisis komponen makna dijalankan dan disertai dengan contoh-contoh dalam perkara 3.5.

3.5 Metodologi

Pada keseluruhannya, penyelidikan ini melibatkan beberapa peringkat tatacara penganalisisan data yang penting. Rajah 3.2 muka surat 55 akan memberi gambaran secara menyeluruh berkaitan dengan metodologi kajian maksud tulisan Cina yang terpilih.

3.5.1 Mengumpul Sumber Kajian

Mengumpul sumber kajian merupakan langkah pertama dalam proses penyelidikan ini. Pada peringkat yang pertama ini, sumber kajian adalah berdasarkan kepada Jadual 3000 patah perkataan tulisan Cina yang paling kerap digunakan (*3000 Common Chinese Character Charts*). Jadual tersebut telah diedit oleh *Lin Shan* berdasarkan kekerapan penggunaan tulisan Cina. Jadual tersebut telah dicetak pada tahun 1991 dan cetakan kedua pada tahun 1992. Jadual tersebut telah diedit oleh *Lin Shan* berdasarkan beberapa sumber yang penting iaitu:

- (1) *Beijing Language Institute's 'Common Words and Common Phrases'.*
- (2) *Beijing Language Institute's Flash Cards for Elementary Chinese.*
 - a. *Elementary Chinese*
 - b. *Practical Chinese*
 - c. *Access to Spoken Chinese*
- (3) *Nanyang University's survey, '2000 most commonly used Chinese characters in the local papers'.*
- (4) *The syllabuses adopted by local primary and secondary schools.*
- (5) *Lianhe Zaobao's 1990 survey findings on commonly used Chinese word and phrases.*

Mengikut sumber bahan rujukan editor tersebut, kita dapati ia berdasarkan kepada beberapa institusi pengajian tinggi di Negara China dan Singapura. Sukatan pelajaran yang dirujuk juga berdasarkan kepada sekolah rendah dan sekolah menengah di Singapura. Walaupun begitu, kesahihan bahan rujukan tersebut tidak perlu dipertikaikan memandangkan kewibawaan institusi pengajian tinggi yang dirujuk di dua buah negara tersebut.

3.5.2 Pembahagian Sumber Kajian Berdasarkan Konsep *Liushu*

Sumber kajian dibahagikan mengikut konsep *Liushu*. Langkah ini adalah penting memandangkan ia merupakan satu langkah pembahagian sumber iaitu tulisan Cina. Data-data yang diperlukan dalam kajian pengkaji ialah Tulisan Bunyi Kompleks. Mengikut teori *Liushu*, tulisan Cina dicipta berdasarkan beberapa tatacara yang utama (sila rujuk muka surat 20, teori *Liushu*). Oleh yang demikian, pengkaji akan menfokuskan kepada Tulisan Bunyi Kompleks dalam pembahagian sumber kajian.

Berdasarkan sumber kajian iaitu jadual 3000 patah perkataan tulisan Cina dapat dibahagikan kepada tiga tahap tulisan Cina yang berlainan. Tahap pertama ialah tahap asas yang merangkumi 1000 patah perkataan tulisan Cina yang pertama apabila kekerapan penggunaannya ialah 85 peratus. Tahap kedua merangkumi 1000 patah perkataan tulisan Cina yang kedua apabila kekerapan penggunaannya ialah 95 peratus. Tahap ketiga juga ialah 1000 patah perkataan tulisan Cina yang ketiga apabila kekerapan penggunaannya ialah 99.9 peratus. Proses pemilihan dan pembahagian tulisan Cina adalah berpandukan kepada kekerapan penggunaannya. Selain daripada itu, pembahagian sumber kajian juga bertunjang pada konsep teori *Liushu* dan mengikut siri bunyi. Contoh proses pembahagian sumber kajian adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3.7 : Contoh Memilih dan Pembahagian Tulisan Bunyi Kompleks yang Paling Kerap Digunakan Berdasarkan 3000 Patah Perkataan Tulisan Cina.

Siri Bunyi(<i>Hanyu Pinyin</i>)	Tulisan Bunyi Kompleks (1000 tulisan Cina tahap 1 yang paling kerap digunakan)	Siri Bunyi(<i>Hanyu Pinyin</i>)	Tulisan Bunyi Kompleks (1000 tulisan Cina tahap 2 yang paling kerap digunakan)	Siri Bunyi (<i>Hanyu Pinyin</i>)	Tulisan Bunyi Kompleks (1000 tulisan Cina tahap 3 yang paling kerap digunakan)
A---Tiada	Tiada.	A---ai, ---ang, ---ao.	唉, 挨. 肮. 傲.	A---an.	案, 鞍.
B---ba, ---bang, ---bei.	把, 爸, 吧. 帮. 被, 背.	B---ba, ---bang, ---bao, ---bei, ---bi, ---bin, ---bing, ---bo.	拔. 绑, 膀, 傍, 棒. 饱. 辈. 臂, 避, 壁. 宾. 饼. 波.	B---bo, ---bai, ---ban, ---bang, ---bao, ---bing.	玻, 跛. 柏. 斑, 拌, 绊. 榜, 磅. 胞. 柄.
C---cai, ---chang, ---cheng, ---chong.	菜. 唱. 城. 冲.	C---cai, ---cang, ---ce, ---cha, ---chao, ---cheng, ---chi, ---chou, ---cu, ---chu, ---cun, ---cuo.	材, 财, 睬. 苍. 测, 厕. 搽. 抄, 炒, 吵. 诚. 持. 愁. 橱. 醋, 促. 村. 措.	C---can, ---chan, ---ce, ---chang, ---chao, ---che, ---chen, ---cheng, ---chi, ---chou, ---ci.	灿. 蝉. 侧. 肠. 嘲. 撤, 澈. 沉. 惩, 澄. 痴. 筹. 磁.
D---dan, ---dao, ---di.	但. 倒. 第, 递.	D---dai, ---dan, ---dang, ---di,	贷. 胆, 弹. 描. 滴, 笛.	D---dao, ---die, ---ding, ---dong,	捣. 谍, 蝶.. 盯. 栋.

		--ding, --du.	钉. 赌, 渡.	--duan.	缎, 锻.
--	--	------------------	-------------	---------	-------

Sebenarnya jadual di atas menunjukkan 3 peringkat pembahagian sumber kajian berdasarkan konsep *Liushu* yang berlainan iaitu berdasarkan:

- i) 1000 patah perkataan tulisan Cina tahap 1 yang paling kerap digunakan,
- ii) 1000 patah perkataan tulisan Cina tahap 2 yang paling kerap digunakan, dan
- iii) 1000 patah perkataan tulisan Cina tahap 3 yang paling kerap digunakan.

Namun untuk memudahkan perbandingan dan mengesan kehadiran tulisan Cina pada tahap kekerapan yang berlainan, maka ketiga-tiga peringkat mengumpul tulisan bunyi kompleks ditunjukkan dalam satu jadual yang sama.

Setelah menjalankan pembahagian sumber kajian berdasarkan konsep *Liushu*, langkah seterusnya ialah mengumpul tulisan bunyi kompleks berdasarkan siri bunyi dan komponen bunyi. Proses tersebut juga melibatkan tiga peringkat iaitu:

- i) 1000 patah perkataan tulisan Cina tahap 1 yang paling kerap digunakan,
- ii) 1000 patah perkataan tulisan Cina tahap 2 yang paling kerap digunakan, dan
- iii) 1000 patah perkataan tulisan Cina tahap 3 yang paling kerap digunakan.

Sama seperti langkah pembahagian sumber berdasarkan konsep *Liushu*, langkah mengumpul tulisan bunyi kompleks juga dijalankan dalam tiga peringkat seperti dinyatakan

di atas dan langkah-langkah tersebut juga ditunjukkan dalam satu jadual yang sama. Cara-cara memproses data-data terkumpul seperti contoh yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 3.8: Mengumpul Tulisan Bunyi Kompleks Berdasarkan Siri Bunyi dan Komponen Bunyi Pada Peringkat 1, 2 dan 3.

Peringkat 1 (1000 tulisan Cina tahap 1)			Peringkat 2 (1000 tulisan Cina tahap 2)			Peringkat 3 (1000 tulisan Cina tahap 3)		
Siri bunyi (Hanyu Pinyin)	Komponen Bunyi	Tulisan Bunyi Kompleks	Siri bunyi (Hanyu Pinyin)	Komponen Bunyi	Tulisan Bunyi Kompleks	Siri Bunyi (Hanyu Pinyin)	Komponen bunyi	Tulisan Bunyi Kompleks
A--- Tiada	Tiada	Tiada	A-ai, -ao.	埃. 奥.	唉, 挨. 澳, 懊.	A-an, -ao.	安. 敖.	鞍, 案. 熬, 遨.
B---ba.	巴	把, 爸, 吧.	B-ba, -bang, (fang) -bao, -bao.	巴. 方. 保. 包.	芭, 疤, 靶. 傍, 膀. 褒, 堡, 堡. 刨, 鲍.	B-ban, -bo, -bang (fang), -bian.	半. 皮. 方. 扁.	拌, 絆. 跛, 跛. 谤. 匾, 编.
C--- Tiada	Tiada	Tiada.	C-cai, -chao.	才. 少.	材, 财. 炒, 吵, 抄.	C-che, -cao, -cui,	澈. 曹. 卒.	澈, 撤. 嘈, 槽. 悴, 粹.
D--- Tiada	Tiada	Tiada	D- deng.	登.	瞪, 凳.	D-di, -dian, -die, -duan.	帝. 颠. 喋. 段.	蒂, 諦. 颠, 癲. 谍, 蝶. 缎, 锻.

3.5.3 Mengumpul Tulisan Bunyi Kompleks Berdasarkan Siri Bunyi dan Komponen Bunyi

Mengumpul tulisan bunyi kompleks berdasarkan siri bunyi dan komponen bunyi ialah langkah susulan dari langkah sebelumnya. Pada langkah ini, tulisan-tulisan bunyi

kompleks yang dikumpul ialah kumpulan tulisan yang menjadi sumber kajian. Jadual berikut merupakan contoh proses terakhir dalam pembahagian tulisan bunyi kompleks yang dikehendaki untuk membuat kajian seterusnya. Tulisan bunyi kompleks yang dikumpulkan hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai 4 patah tulisan bunyi kompleks dari komponen bunyi yang sama. Contohnya seperti berikut:

Jadual 3.9: Pemilihan Tulisan Bunyi Kompleks Berdasarkan Siri Bunyi dan Komponen Bunyi. (sekurang-kurangnya terdiri daripada empat patah tulisan Cina dalam satu kumpulan)

<u>Bilangan</u>	<u>Siri Bunyi</u> <u>(Hanyu Pinyin)</u>	<u>Komponen</u> <u>Bunyi</u>	<u>Tulisan Bunyi Kompleks</u>
1.	A-Tiada.	Tiada.	Tiada.
2.	B-ba.	巴.	把, 爸, 吧, 芭, 疤, 耙.
3.	C- <i>chao</i> , - <i>sha</i> .	少. 少.	抄, 吵, 炒, 钞. 砂, 纱, 裳.
4	D-Tiada.	Tiada.	Tiada.
5.	E-e(<i>wo</i>)	我.	蛾, 鹅, 俄, 饿.

3.5.4 Kajian *Maksud* komponen bunyi dalam Tulisan Bunyi Kompleks.

Kajian *Maksud* merupakan langkah kelima dalam proses kajian ini. ‘*Alat ukur*’ yang digunakan untuk menentukan maksud ialah “analisis komponen”. Di

peringkat kajian ini ada beberapa tindakan perlu dijalankan supaya dapat memenuhi kehendak kajian. Proses seterusnya yang akan dijalankan adalah seperti berikut :

i) Memaparkan Maksud Penerangan Berpandukan *Kamus Penerangan Shuowen Jiezi*.

Pada prosedur peringkat kajian ini, maksud tulisan-tulisan bunyi kompleks yang telah dikenal pasti pada langkah keempat akan dicari berpandukan *Kamus Penerangan Shuowen Jiezi*. *Kamus Penerangan Shuowen Jiezi* merupakan kamus terulung dalam sejarah perkamusan dan leksikografi bahasa Cina. (sila rujuk *Shuowen Xue*, Bab 2 muka surat 25). Proses ini bertujuan memaparkan maksud penerangan setiap tulisan bunyi kompleks yang menjadi sasaran kajian. Proses ini adalah penting kerana maksud yang dipaparkan akan memberi gambaran yang jelas tentang maksud setiap perkataan tulisan bunyi serta ciri-ciri persamaan dan perbezaan maksud antara satu tulisan bunyi kompleks dengan yang lain.

Dalam proses membuat rujukan kepada *Kamus Penerangan Shuowen Jiezi*, sekiranya terdapat tulisan bunyi kompleks yang tidak tercatat dalam *Kamus Penerangan Shuowen Jiezi*, maka sebuah rujukan kamus yang ulung pada masa kini akan dirujuk iaitu *Xiandai Hanyu Cidian* / 现代汉语词典 (*Kamus Bahasa Cina Moden*), penerbitan Syarikat *Shang Wu* 1996. Dua sebab kemungkinan tidak terdapat tulisan bunyi kompleks yang tercatat dalam *Shuowen Jiezi* . Pertama sumber data kajian iaitu 3000 patah perkataan tulisan Cina moden yang kerap digunakan tidak semestinya tulisan bunyi kompleks tersebut digunakan pada masa lampau. Yang kedua, memandangkan kamus tersebut merupakan kamus tulisan Cina yang pertama dan hanya memuatkan 9353 patah perkataan tulisan Cina. Sekiranya berlaku sumber kajian tidak dapat dirujuk, rujukan akan dibuat kepada kamus alternatif yang lain. *Xiandai Hanyu Cidian* (*Kamus Bahasa Cina Moden*) merupakan kamus yang terlengkap dan terkini.

Maksud-maksud yang dapat dirujuk dalam *Shuowen Jiezi Jinshi* akan dilabelkan dengan “Bermaksud asal” dan singkatan ditulis sebagai “*Shuowen*” . Maksud-maksud yang tidak dapat dirujuk dalam *Shuowen Jiezi Jinshi* tetapi dapat membuat rujukan maksud-maksud di *Xiandai Hanyu Cidian* (*Kamus Bahasa Cina Modern*) akan dilabelkan sebagai “Bermaksud” dan singkatan ditulis sebagai “*Xianhan*” .

Selain daripada kamus rujukan di atas, rujukan maksud perkataan juga dibuat dengan berpanduan kepada *Kamus Shiyong Tongyuan Zidian* (实用同源字典) terbitan Syarikat Penerbitan *Renmin, Hubei*. Rujukan maksud perkataan juga dibuat berpanduan kepada *Kamus Hanzi De Lai Long Qu Mai*(汉字的来龙去脉).

Contoh proses memaparkan maksud penerangan adalah seperti bereikut :

Maksud Asal Kumpulan Tulisan Komponen Bunyi “皇” (*huang*)

0. 皇(*huang*): “大也。从自王。自，始也。始（皇）王者，三皇，大君也。”

Bermaksud asal “besar. Radikal bentuknya ialah ‘自’ (*zi*) dan

‘王’ (*wang*). ‘自’ (*zi*) bermaksud permulaan , ‘三皇’ bermaksud tiga

maharaja pertama yang memerintah, maharaja” .(*Shuowen*, muka surat: 28)

1. 煌(*huang*): “煌，辉也。从火，皇声。” Bermaksud asal “Sinaran cahaya yang terang. Radikal bentuk ialah ‘火’ (*huo*), ‘皇’ (*huang*) merupakan komponen bunyinya” (*Shuowen*, muka surat :1388). Dalam *Kamus Hanzi De Lai Long Qu Mai* /(汉字的来龙去脉) pula mencatatkan :

“辉煌。从火从皇,皇亦声。皇是煌的本字。皇象王的头上放光芒，表示王的事业辉煌。金文上面是光，下面是火，中间是皇，还是说明王的事业辉

煌。” (muka surat : 313) yang bermaksud “辉煌(*huihuang*) ertinya ialah

cemerlang atau gemilang. Radikal bentuknya ialah ‘火’ (*huo*) dan ‘皇’ (*huang*), ‘皇’ (*huang*) juga merupakan komponen bunyinya. Perkataan asal ‘煌’ (*huang*) ialah ‘皇’ (*huang*). Tulisan ‘皇’ (*huang*) merupai “di atas kepala raja bercahaya gemilang yang melambangkan kegemilangan empayar seseorang raja”. Tulisan *Jinwen* (金文) pula mencatatkan bahagian atas ‘皇’ (*huang*) ialah ‘cahaya’ (光), bahagian bawah ‘皇’ (*huang*) ialah ‘api’ (火), bahagian tengah ialah ‘皇’ . Tulisan *Jinwen* juga menerangkan ‘煌’ bererti kegemilangan empayar seseorang raja. Dari penerangan maksud yang diperoleh, kita boleh merumuskan perkataan ‘煌’ (*huang*) juga membawa maksud ‘besar’ iaitu “kegemilangan” atau “kejayaan yang cemerlang” atau “kejayaan yang besar” . Selain daripada itu, terutamanya dilihat daripada hujahan :皇是煌的本字 yang bermaksud tulisan asal ‘煌’ (*huang*) ialah ‘皇’ (*huang*) telah menerangkan perkaitan 皇 dan 煌 . Dalam penerangan maksud ‘皇’ (*huang*), *Kamus Shuowen Jiezi* juga mencatatkan ‘皇’ (*huang*) bermaksud ‘besar’ . Pendek kata tulisan “煌” (*huang*) boleh dirumuskan sebagai “sinaran cahaya yang besar, terang-benerang” . Oleh itu “煌” (*huang*) dianggap membawa maksud ‘besar’ .

2. 徨(*huang*): “彷徨(*panghuang*)走来走去, 犹疑不决, 不知往哪个方向去。”
Bermaksud “Tidak tentu arah. Selalu digunakan bersama perkataan 彷徨(*pang*) yang menjadi “彷徨” (*panghuang*) yang bermaksud tidak tentu arah, susah hendak membuat keputusan, tidak tahu hendak menuju ke mana” .(*Xianhan*, muka surat : 557, 951)
3. 凰(*huang*): “凤凰(*fenghuang*)古代传说中的百鸟之王, 羽毛美丽, 雄的叫凤, 雌的叫凰。常用来象征祥瑞。” Bermaksud “ ‘凤凰’ (*fenghuang*) merupakan raja segala burung zaman dahulu kala. Mempunyai bulu yang

cantik. Yang jantan dipanggil ‘風’ (*feng*), yang betina dipanggil ‘凰’ (*huang*). Dua perkataan ini selalu digunakan untuk melambangkan tanda-tanda atau sesuatu yang baik (*auspicious sign*).” (*Xianhan*, muka surat :381,557)

Mengikut *Kamus Shiyong Tongyuan Zidian*(实用同源字典)(muka surat:330) telah mencatatkan perkataan “王(*wang*), 皇(*huang*), 鳳(*huang*) dan 蝗(*huang*)” sebagai “本组汉字或指君王, 或指同类中之大者。” yang bermaksud kumpulan perkataan “王(*wang*), 皇(*huang*), 鳳(*huang*) dan 蝗(*huang*)” bermaksud ‘maharaja’ atau membawa maksud ‘besar’ dalam kumpulan kehidupan yang sama jenis. ‘蝗’ (*huang*) bermaksud sejenis serangga perosak yang besar (belalang juta / *locust*). Namun demikian, ‘蝗’ (*huang*) bukan perkataan yang menjadi analisis kajian ini. Manakala perkataan ‘凰’ (*huang*) pula bermaksud raja segala burung zaman dahulu kala. Oleh yang demikian ‘凰’ (*huang*) boleh dikatakan membawa maksud ‘besar’ .

4. 惶(*huang*) : “恐惧。” Bermaksud asal “takut” . (*Xianhan*, muka surat : 1480)

Berdasarkan contoh di atas, jelas menunjukkan maksud-maksud tentang setiap tulisan bunyi “皇” (*huang*) yang disenaraikan. Setelah proses tersebut, tindakan susulannya ialah memindahkan maksud-maksud tersebut kepada satu jadual yang baru disertai dengan cara analisis komponen.

- i) Analisis Komponen Tulisan Bunyi Kompleks.

Berikut ialah langkah analisis komponen makna dengan pemindahan makna yang telah disenaraikan dalam jadual sebelum ini. Proses tersebut dapat dijelaskan dalam jadual berikut :

Jadual 3.10 : Contoh Analisis Komponen Makna Tulisan Bunyi Kompleks.

Bilangan	Ciri Maksud Komponen/ Tulisan	Maharaja.	Pemulaan	Besar.	Terang.	Tidak tentu arah.	Raja burung	Takut.
0.	皇	+	+	+	-	-	-	-
1.	煌	-	-	+	+	-	-	-
2.	徨	-	-	-	-	+	-	-
3.	凰	-	-	+	-	-	+	-
4.	惶	-	-	-	-	-	-	+

Berdasarkan jadual di atas, demi memudahkan perbandingan dan analisis komponen, maksud asal yang panjang lebar telah diringkaskan. Namun demikian, inti pati dalam maksud asal masih dikekalkan. Berdasarkan contoh di atas, jelaslah maksud yang disampaikan dalam siri bunyi “皇” (*huang*) yang dikenalpasti dan disenaraikan. Simbol “+” dan “-” digunakan untuk menerangkan kehadiran atau terdapat ciri-ciri maksud yang dikongsi sama dalam sesuatu tulisan bunyi kompleks. Simbol “+” bermakna terdapat maksud yang disenaraikan manakala simbol “-” pula menandakan tidak ada releven dengan makna yang disenaraikan. Analisis komponen makna di atas telah memberi satu gambaran yang nyata dan jelas kepada kita tentang sesuatu tulisan Cina yang difokuskan.

ii) Penentuan Maksud dalam Sesuatu Kumpulan Tulisan Bunyi Kompleks.

Penentuan maksud komponen bunyi dalam sesuatu kumpulan tulisan bunyi kompleks adalah berdasarkan dapatan yang diperoleh ke atas satu siri bunyi tulisan bunyi kompleks seperti contoh yang diberi pada jadual 3.11 di atas. Dari contoh jadual 3.11, kajian telah dilakukan ke atas keempat-empat tulisan bunyi kompleks dan satu perkataan asal. Dapatan kajian tersebut menunjukkan maksud keempat-empat tulisan bunyi kompleks masing-masing. Terdapat dua perkataan iaitu “蝗” (*huang*) dan “風” (*huang*) mempunyai maksud sepunya dengan perkataan asal ‘皇’ (*huang*) iaitu ‘besar’ . Tulisan bunyi kompleks ‘皇’ (*huang*) dianggap bermaksud ‘besar’ bukan sahaja terdapat pada tulisan-tulisan yang dikaji bahkan juga terdapat pada tulisan bukan dalam kajian pengkaji seperti tulisan “蝗” (*huang*) bermaksud serangga perosak yang besar (belalang tua /locust) . Selain daripada itu tulisan “皇” (*huang*) mengikut *Kamus Shuowen Jiezi*(m.s:47)mencatatkan “皇” (*huang*),玉声也, 从玉, 皇声。”《段注》:谓玉之大声也。译文:玉(相撞击)声。” yang bermaksud “皇” (*huang*) ialah bunyi yang kuat (besar) dihasilkan batu mamar apabila berlanggar. Radikal bunyinya ialah “玉” (*yu*), komponen bunyi ialah “皇” (*huang*). Begitu juga dengan perkataan “ 蝗” (*huang*) yang dicatatkan dalam *Kamus Bahasa Cina Modern (Xiandai Hanyu Cidian* muka surat :557)

蝗 蝗: 1.形容钟鼓声大而和谐。2.形容小儿啼哭声洪亮。Maksudnya ialah:1. 蝗蝗 (*huanghuang*) bermaksud bunyi loceng yang kuat (besar) dan harmoni. 2.suara tangisan budak yang lantang (besar). Pendek kata, tulisan bunyi “皇” (*huang*) yang dinyatakan jelas menunjukkan bermaksud sepunya “besar” . Analisis komponen makna yang dijalankan juga menunjukkan bahawa terdapat dua patah perkataan komponen bunyi ‘皇’ (*huang*) yang membawa maksud sepunya “besar” . Keputusan tersebut telah memenuhi syarat yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kumpulan tulisan bunyi kompleks ini dianggap sebagai membawa maksud sepunya.


Untuk kajian seterusnya, pengkaji akan mengikut penentuan maksud berasaskan sebarang kumpulan tulisan bunyi kompleks yang mempunyai maksud sepunya yang melebihi majoriti atau 50 peratus akan dianggap sebagai membawa maksud. Sebarang komponen bunyi dalam sebarang kumpulan tulisan bunyi kompleks yang majoritinya tidak bermaksud dianggap sebagai kumpulan tulisan yang tidak membawa maksud. Ini berlaku sungguhpun terdapat minoriti tulisan yang bermaksud yang berkaitan. Selain daripada itu, perkataan-perkataan dalam kumpulan tulisan bunyi kompleks yang dianggap bermaksud juga hendaklah mempunyai perkaitan dengan tulisan komponen bunyi asal. Di samping itu, perkataan-perkataan dalam sesuatu kumpulan tulisan bunyi kompleks tidak dianggap bermaksud sekiranya tidak mempunyai perkaitan maksud dengan perkataan asalnya.

Secara ringkasnya, untuk menentukan sama ada ‘komponen bunyi’ dalam sesuatu kumpulan tulisan bunyi kompleks membawa maksud atau tidak, dua kriteria seperti di bawah hendaklah dipatuhi:

- (i) Majoriti atau 50 peratus daripada perkataan dalam sesuatu kumpulan tulisan bunyi kompleks yang sama hendaklah sekurang-kurangnya berkongsi satu maksud yang sama.
- (ii) Maksud sepunya yang dikongsi bersama oleh perkataan-perkataan yang dianalisis hendaklah juga dikongsi oleh perkataan asal yang menjadi rujukan utama dalam kumpulan itu.

Kajian ke atas tulisan bunyi kompleks juga boleh diringkaskan seperti rajah berikut.

Rajah 3.3 : Contoh Analisis Komponen Maksud Tulisan Bunyi Kompleks



Rajah 3.3 telah jelas menunjukkan kajian maksud siri bunyi “*huang*” manakala komponen dalam tulisan sebelah lain iaitu ‘radikal bentuk’ tidak dibuat kajian kerana bahagian tersebut bukan kajian ke atas siri bunyi dalam tulisan bunyi kompleks yang difokuskan.

3.5.5 Hasil Kajian

Hasil kajian merupakan dapatan kajian yang selaras dengan objektif kajian ini iaitu:

- i) Menghasilkan satu senarai klasifikasi “maksud komponen tulisan bunyi kompleks” berdasarkan 3000 patah perkataan tulisan bahasa Cina yang paling kerap digunakan .
- ii) Mengenal pasti sama ada komponen bunyi dalam tulisan bunyi kompleks membawa maksud atau sebaliknya.

Berdasarkan dapatan kajian yang selaras dengan objektif kajian ini, satu senarai maksud-maksud dapat dihasilkan. Contohnya adalah seperti berikut:

Jadual 3.11: Contoh Hasil Kajian Maksud.

<u>Bilangan</u>	<u>Kumpulan Komponen Bunyi</u>	<u>Tulisan Bunyi Kompleks dan Maksudnya</u>	<u>Maksud yang Sepunya</u>
1.	皇(huang)	皇(huang) bermaksud asal “<i>besar</i> , <i>maharaja</i>” . 煌(huang) bermaksud sinaran cahaya yang <i>besar</i>, terang-menerang. 凰(huang) bermaksud raja segala burung zaman dahulu kala, <i>besar</i>.	“ <i>besar</i> ”

Dengan cara sedemikian agar satu klasifikasi maksud dapat dihasilkan selepas kajian secara menyeluruh ke atas kumpulan tulisan bunyi kompleks mengikut siri komponen bunyi yang telah dikenalpasti dan difokuskan.

Dengan berpanduan dapatan tersebut, maka pengkaji seterusnya boleh menggunakan data-data tersebut untuk menghasilkan peratusan penyampaian maksud pada tulisan bunyi kompleks secara menyeluruhnya. Berdasarkan pengiraan yang dilakukan akan memberi satu gambaran secara matematika berkaitan dengan kadar keberkesanan maksud yang lebih jelas kepada kita.